


# Sek Keb Tanjong Tokong

iaan, 6.Ketrampilan Diri.

Selamat Datang dan Selamat Melawat Blog Sek Keb Tanjong Tokong

Khamis, Oktober 15, 2009

## Gambar Kenangan Tanjong Tokong.



Gambar Masjid Tuan Guru tahun 1957, berhampiran Sek Keb Tanjong Tokong.

## Sejarah Sekolah

Sekolah Kebangsaan Tanjong Tokong, Pulau Pinang telah diasaskan pada tahun 1898. Bangunan pertamanya ialah di tepi pantai berhadapan dengan Masjid Karwa yang terletak di persimpangan Jalan Tanjong Tokong Lama dan Jalan Tanjong Tokong Baru. Bangunan ini kemudiannya terbakar, setelah di baik pulih dan diubah suai, bangunan itu dijadikan karters kediaman kakitangan rendah Jabatan Kerja Raya. Penduduk-penduduk tempatan menyebutnya sebagai bangunan terbakar. Kerajaan telah mendirikan sebuah bangunan baru di atas bukit berhadapan dengan masjid Tuan Guru bagi menempatkan murid-murid. Pada masa itu ia dikenali sebagai Sekolah Melayu Tanjong Tokong, sebuah rumah guru juga didirikan berhampiran dengan bangunan sekolah tersebut untuk dijadikan kediaman Guru Besar. bentuk bangunan sekolah dan rumah guru itu bercirikan كرنيل iaitu beratap genting, berinding papan dan bertiang bata, bangunan sekolah ketika itu tidak mempunyai bilik tertentu, ia hanya satu bangunan panjang seperti rumah panjang yang terdapat di Sarawak, hanya tiga buah bilik darjah sahaja yang dapat diwujudkan dengan menggunakan bidang pemisah yang diperbuat daripada bertam, juga telah diwujudkan satu ruang kecil untuk dijadikan Pejabat Guru Besar. Bagi menampung bilangan murid yang kian bertambah ketika itu, sebuah bangunan tambahan telah didirikan berhampiran bangunan induk, bangunan tambahan ini merupakan sebuah bangsal yang beratapkan daun nipah dan berindingkan bertam tanpa



Sambutan Kemerdekaan.

Dalam Gambar: Pak Man 555, Pak Khalid Posmen, Pak Omar Toppel, Pak Yusuf Ata, Pak Mat g.e., Aman gunting rambut, Pak Non gunting rambut, Pak Mad Sandun, yang in ch buka tv kat kelab, Idris Mak Bi, Cikgu Mohyen, Pitchay (india yang dok kat Mesjid Hujung), Pak Seman Kelabu, Pak Lebai Hassan, Mamak Idris roti canai, Pak Chat. "masa ni semua muda muda amboi handsome handsome semua" kata Kak Nab.



Gambar Tahun 1959 Sumbangan En Shabudin Bapu.

Murid lelaki yang ketiga berdiri di barisan ke dua belakang murid perempuan yang ialah abang Kak Nab, Ali Rejab, dah meninggal tahun sudah. Abang Kak Nab memang Sekolah Inggeris masa tu, selepas itu berpindah ke Tanjung Bunga. Murid perempuan yang Kak Nab kenal ialah Hanum, Latifah, Hasnah, Siew Choo



Perkampungan Tanjung Tokong

sebarang tingkap . bangsal ini dapat mewujudkan dua buah bilik darjah dengan pemisah nya ialah bidang bertam . Walaupun bangunan sekolah telah dirobohkan, rumah guru masih tegak berdiri hingga ke hari ini , malah sedang dihuni oleh seorang pendidik dan keluarganya. Salah seorang murid yang mendapat pendidikan awalnya di sekolah ini ialah Tan Seri Datuk Ilias bin Ammar iaitu bekas Datuk Bandar Kuala Lumpur.

Pada tahun 1955, dua blok bangunan telah didirikan di atas tanah yang ditebus guna berhampiran jalan baru Tanjung Tokong bagi menampung bilangan murid yang kian bertambah, pada mulanya bangunan tersebut telah dikongsi bersama dengan sekolah Inggeris Tanjung Tokong yang menggunakan blok A dan Sekolah Umum Tanjung Tokong yang menggunakan blok B, pada masa itu kerajaan telah menukarkan nama sekolah Melayu kepada sekolah umum . ketika itu,, Sekolah Umum Tanjung Tokong mula mempunyai dua sesi persekolahan iaitu sesi pagi dan sesi petang, bangunan lama di atas bukit masih terus digunakan

Pada tahun 1960, Sekolah Inggeris Tanjung Tokong telah berpindah ke bangunannya sendiri di Jalan Tan Jit Seng, Tanjung Bunga dan dinamakan sekolah Inggeris Tanjung Bunga, manakala Sekolah Umum Tanjung Tokong mengambil alih kedua-dua blok bangunannya .

Pada penghujung tahun 1960 , kerajaan telah menukarkan nama sekolah umum kepada sekolah Kebangsaan maka dengan rasminya sekolah umum Tanjung tokong ditukar kepada Sekolah Kebangsaan Tanjung Tokong .

Pada tahun 1985, Sekolah Kebangsaan Tanjung Tokong telah mendapat sebuah bangunan baru berupa sebuah blok tiga tingkat manakala blok A dan blok B bangunan lama telah dirobohkan dan kawasan tapaknya dijadikan padang permainan hingga ke hari ini . Bangunan baru ini mempunyai 12 bilik darjah, sebuah bilik guru, pejabat Guru Besar , Pusat Sumber, 6 buah tandas murid, 2 tandas guru, beberapa stor kecil , belek siaran, surau dan kantin .


Pada tahun 1991, pengubahsuaian kecil telah dilakukan untuk mewujudkan bilik prasekolah manakala pada awal tahun 1993 telah didirikan sebuah bilik bengkel untuk mata pelajaran Kemahiran Hidup.

Pada bulan Disember 1991, sebahagian daripada kawasan padang permainan telah digunakan untuk membina sebuah bangunan yang dinamakan Pusat Kegiatan Guru Kawasan Tanjung Bunga.

## Anda Pengunjung ke

 Free Hit Counters  
Free Counter

## Wal-Ashr



## KLK PENANG BLOGGERS





Sekolah Lama Tanjong Tokong.

Dicatat oleh [SK Tanjong Tokong](#) di [10:22:00 PTG](#)



## Tiada ulasan:

[Catat Ulasan](#)

[Catatan Terbaru](#)

[Laman utama](#)

[Catatan Lama](#)

Langgan: [Catat Ulasan \(Atom\)](#)

## Pautan SKTT




**Bekas Murid :  
Kak Nab**



JJ  
C  
M  
R  
I  
V  
E

**RSIDE JANDA  
BAIK PAHANG**  
*2 bulan yang lalu*

**Murid SKTT :  
Nurul Atiqah  
Farhani**




Fir  
e  
Ac  
ci  
de  
nt

**Apology - Some  
Important Tips to  
Remember!**  
*10 tahun yang lalu*



**MaMa  
ModeN:Dunia  
Dah Maju  
Zaman Dah  
Berubah**



3  
Ta  
hu  
n  
Te  
la

**h Berlalu....**  
*10 tahun yang lalu*



**Bekas Murid :  
Nurul Amirah  
Fatin**



Ka  
u  
Sa  
ha  
ba  
t

**Kau Teman**  
*14 tahun yang lalu*




**Baba Roshidan**  
Penjelasan  
Tentang Nazar  
*14 tahun yang lalu*



**Ustaz Khairul  
Azahar**  
*14 tahun yang lalu*



**Murid SKTT :  
Nurul Adilah  
Fariyah :  
KAKAK MANJA**



TA  
M  
A  
N  
B  
EL

**IA**  
*15 tahun yang lalu*



**Cikgu Mieja**



Pe  
rc  
uti  
an  
ku

*15 tahun yang lalu*

## Sampaikanla h Salam....

[ShoutMix chat  
widget](#)

## Kami Guru Malaysia

[Kami Guru Malaysia.mp3](#)

[Kami Guru Malaysia.mp3](#)

[get more free mp3 & video codes at www.musik-l](#)



## Berita SKTT

- [2012](#) (1)
- [2010](#) (4)
- ▼ [2009](#) (87)
  - [Disember](#) (6)
  - [November](#) (5)
  - [Oktober](#) (5)
  - [September](#) (2)
  - [Ogos](#) (2)
  - [Julai](#) (1)
  - [Jun](#) (7)
  - [Mei](#) (6)
  - [April](#) (12)
  - [Mac](#) (13)
  - [Februari](#) (22)
  - [Januari](#) (6)
- [2008](#) (8)

## Visi & Misi

Visi

Sekolah  
Kebangsaan  
Tanjong Tokong  
akan menjadi  
Sekolah Cemerlang  
di Pulau Pianang